

Newspaper	Berita Harian
Date	14 October 2015



Malaysia tetap mahu dalang dihukum

Kuala Lumpur: Datuk Seri Najib Razak berkata Malaysia masih kekal dengan pendirian mahu dalang menembak jatuh pesawat Penerbangan Malaysia (MAS) MH17 dibawa ke muka pengadilan.

Perdana Menteri berkata, siatsatan insiden itu yang diketuai Belanda perlu memberikan jawapan kukuh dan seterusnya membenarkan Malaysia mengambil tindakan setegas mungkin kepada pihak bertanggungjawab.

"Lima belas bulan sudah berlaku, namun komitmen kita untuk membawa pelaku ke muka pengadilan kekal teguh sama seperti masa kejadian iaitu pada 17 Julai 2014, yang menyaksikan ratusan nyawa tidak berdosa terkorban.

Teruskan usaha
"Kita mesti meneruskan usaha memastikan pihak yang terbabit supaya bertanggungjawab ke atas tindakan pembunuhan ini," katanya menerusi Facebook, malam tadi.

Mengulas lanjut, Perdana Menteri berkata, beliau sudah bercakap mengenai hasrat Malaysia yang mahu pelaku kejadian tembakan itu diadili kepada Perdana Menteri Belanda, Mark Rutte; Perdana Menteri Australia, Malcolm Turnbull dan Lembaga Keselamatan Beian-da(DSB).

Katanya, rentetan kejadian berkenaan kini sudah dibuktikan oleh DSB dan ia memberi isyarat usaha membawa pelaku jenayah itu untuk diadili perlu diteruskan.

Sementara itu, Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Liow Tiong Lai, berkata dengan laporan DSB dan Pasukan Penyiasat Bersama (JIT), pihaknya kini lebih bersedia untuk mendapatkan keadilan demi mangsa MH17.

Katanya, Malaysia yang menjaldi sebahagian daripada JIT, kekal mahu mengambil tindakan yang boleh membawa kepada pendakwaan terhadap pelaku jenayah itu.

"Tribunal antarabangsa di bawah Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mungkin membatalkan hasrat kami dengan kuasa veto tetapi perjuangan mendapatkan keadilan masih belum berakhir.

"Malaysia bersama rakan dalam JIT iaitu Belanda, Australia, Belgium dan Ukraine akan berusaha mengadakan persetahaman mewujudkan mahkamah antarabangsa bebas supaya dapat melakukan pendakwaan terhadap dalang kejadian berkenaan," katanya.

Najib bercakap selama 20 minit bersama Rutte menerusi sidang video, semalam. [FOTO BERNAMA]